



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## NILAI MURNI DALAM PUISI TRADISIONAL KARYA KANIMOZHI KUPPUSAMY

JAYANTHIMALA A/P RAMASAMY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAN TAMIL)  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iv

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti nilai murni serta unsur pengajaran yang terkandung dalam puisi-puisi tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy dan mengaitkan puisi-puisi tersebut dengan pembentukan sahsiah mulia dalam kalangan murid. Kumpulan puisi tradisional yang dikaji ialah *Kavyār*, *Iniya vālkai* dan *Kalvik kanikal* yang berjumlah tujuh puluh enam buah puisi tradisional. Kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks serta berasaskan teori moral digunakan untuk mengkaji puisi tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 17 nilai murni dan 12 unsur pengajaran dalam puisi tradisional tersebut. Selain itu, lapan sahsiah mulia dapat dibentuk dalam kalangan murid melalui puisi-puisi tradisional tersebut. Dapatan kajian menunjukkan nilai murni yang diterapkan dalam puisi tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy sangat penting dalam pembentukan sahsiah pelajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

## MORAL VALUES IN KANIMOZHI KUMPULANS POEMS

### ABSTRACT

This study is aimed to identify the moral values and teaching elements which are found in Kanimozhi Kuppusamy's traditional poems, and to associate these poems with noble character building among the students. A total of 76 poems from the collection of traditional poems studied are from '*Kaviyār*, *Iniya vālkkai* and *Kalvik kānikal*'. A qualitative method which comprises of library research and text analysis based on moral theory is used to study Kanimozhi Kuppusamy's traditional poems. The findings showed that 17 moral values and 12 teaching elements were identified. Apart from that, eight noble character building instead values can be instilled the traditional poems among students. The findings showed that moral values embedded in Kanimozhi Kuppusamy's traditional poems are vital in character building.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## KANDUNGAN

**Muka surat**

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>TRANSLITERASI</b>	xv



<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar belakang kajian	5
1.2.1    Asal usul Puisi Tradisional Tamil	9
1.2.2    Perkembangan Puisi Tamil Malaysia	14
1.3    Pernyataan Masalah	18
1.4    Objektif Kajian	24
1.5    Soalan Kajian	25
1.6    Kepentingan Kajian	25
1.7    Batasan Kajian	27





1.8	Definisi Konsep dan Operasional	30
1.8.1	Nilai Murni	30
1.8.2	KBSR	32
1.8.3	Puisi Tradisional	33
1.9	Kesimpulan	36

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	37
2.2	Kajian-kajian Terdahulu	38
2.2.1	Sorotan Literasi Peringkat Doktor Falsafah	40
2.2.2	Sorotan Literasi Peringkat Sarjana	43
2.2.3	Sorotan Literasi Peringkat Sarjana Muda	73
2.2.4	Sorotan Daripada Buku	78
2.3	Kesimpulan	81



## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	82
3.2	Reka Bentuk Kajian	84
3.2.1	Kaedah Kualitatif	84
3.2.2	Kaedah Analisis Data	86
3.3	Bahan Kajian	88
3.4	Teori Moral	89
3.4.1	Aplikasi Teori Moral dalam kajian Puisi-puisi Tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy	96
3.5	Kesimpulan	100





## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	101
4.2 Nilai murni yang terkandung dalam Puisi Tradisional Karya Kanimozhi Kuppusamy	102
4.2.1 Nilai Baik Hati	102
4.2.2 Nilai Berdikari	112
4.2.3 Nilai Hemah Tinggi	124
4.2.4 Nilai Kasih Sayang	146
4.2.5 Nilai Keadilan	158
4.2.6 Nilai Kebebasan	163
4.2.7 Nilai Keberanian	170
4.2.8 Nilai Hormat-Menghormati	173
4.2.9 Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental	177
4.2.10 Nilai Kejujuran	187
4.2.11 Nilai Kerajinan	204
4.2.12 Nilai Kerjasama	216
4.2.13 Nilai Kesederhanaan	220
4.2.14 Nilai Kesyukuran	227
4.2.15 Nilai Rasional	230
4.2.16 Nilai Semangat Bermasyarakat	245
4.2.17 Nilai Kewarganegaraan	256





4.3	Menganalisis unsur pengajaran yang terdapat dalam Puisi Tradisional Karya Kanimozhi Kuppusamy	261
4.3.1	Pengenalan	261
4.3.2	Menjadi ibu yang bertanggungjawab	264
4.3.3	Sifat kasih saying dalam keluarga	267
4.3.4	Sifat ikhlas terhadap semua pihak	270
4.3.5	Perlu menepati masa	273
4.3.6	Mengamalkan sikap hormat-menghormati	275
4.3.6.1	Hormat dan taat kepada ibu bapa	275
4.3.6.2	Hormat dan taat kepada guru	277
4.3.6.3	Hormat dan taat kepada Negara	279
4.3.7	Jom ke sekolah menimba ilmu	282
4.3.8	Elakkan sikap malas	287
4.3.9	Yakin pada diri sendiri	290
4.3.10	Perpaduan membawa keharmonian	293
4.4	Mengaitkan Puisi-puisi Tradisional dengan pembentukan Sahsiah Murid	297
4.4.1	Pengenalan	297
4.4.2	Menyayangi ahli keluarga	300
4.4.3	Mencapai matlamat dalam kehidupan	304
4.4.3.1	Mencapai matlamat dalam akademik	304
4.4.4	Tabiat suka membantah	307
4.4.5	Menyanjung Bahasa Ibunda	310
4.4.5.1	Bahasa tanda bangsa	312
4.4.5.2	Bahasa jiwa bangsa	314





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

4.4.6 Membina jati diri	316
4.5 Kesimpulan	319

## BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	320
5.2 Penemuan	321
5.2.1 Nilai murni yang terkandung dalam Puisi-puisi Tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy	321
5.2.2 Senarai unsur pengajaran dalam Puisi-puisi Tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy	344
5.2.3 Senarai penerapan sahsiah mulia dalam kalangan murid melalui Puisi-puisi Tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy	348
5.3 Cadangan kajian yang selanjutnya	351

5.4 Kesimpulan	355
----------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## RUJUKAN

357



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
1.1 Senarai Judul Puisi	27
1.2 Komponen Nilai Murni dan Pengertian Umum	28
4.1 Senarai Nilai Baik Hati	104
4.2 Senarai Nilai Berdikari	114
4.3 Senarai Nilai Hemah Tinggi	125
4.4 Senarai Nilai Kasih Sayang	147
4.5 Senarai Nilai Keadilan	159
4.6 Senarai Nilai Kebebasan	164
4.7 Senarai Nilai Keberanian	170
4.8 Senarai Nilai Hormat-Menghormati	173
4.9 Senarai Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental	179
4.10 Senarai Nilai Kejujuran	188
4.11 Senarai Nilai Kerajinan	205
4.12 Senarai Nilai Kerjasama	217
4.13 Senarai Nilai Kesederhanaan	221
4.14 Senarai Nilai Kesyukuran	228
4.15 Senarai Nilai Rasional	231
4.16 Senarai Nilai Semangat Bermasyarakat	247



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.17	Senarai Nilai Kewarganegaraan	257
5.1	Senarai Peratusan Nilai Murni	322
5.2	Senarai Unsur Yang Terdapat Dalam Puisi Tradisional	345
5.3	Senarai Penerapan Sahsiah Mulia Dalam Kalangan Pelajar	348



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
2.1 Model Kedudukan Nilai Murni Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia	56
2.2 Model Kategori Nilai Murni	59
3.1 Kerangka Teorikal Kajian	95
3.2 Kerangka Kajian Konseptual	99



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PTTM	Puisi Tradisional Tamil Malaysia
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SMTM	Sajak Moden Tamil Malaysia
SPB4L	Sistem Pemikiran Bersepadu 4L
SPSS	Statistik Package For Social Science
UINSK	Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia



## TRANSLITERASI

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada Sistem Transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil

### Huruf-huruf Vokal

அ	:	<i>a</i>	உ	:	<i>u</i>	ஐ	:	<i>ai</i>
ஆ	:	<i>ā</i>	ஊ	:	<i>ū</i>	ஓ	:	<i>o</i>
இ	:	<i>i</i>	எ	:	<i>e</i>	ஓ	:	<i>ō</i>
ஏ	:	<i>ī</i>	ஏ	:	<i>ē</i>	ஓா	:	<i>au</i>

### Huruf-huruf Konsonan

க	:	<i>k</i>	ங்	:	<i>n̄</i>	ஞ்	:	<i>y</i>
ச	:	<i>c</i>	ஞ்	:	<i>ñ</i>	ர்	:	<i>r</i>
ட	:	<i>t</i>	ண்	:	<i>n̄</i>	ல்	:	<i>l</i>
த	:	<i>t̄</i>	ந்	:	<i>n̄</i>	வ்	:	<i>v</i>
ப	:	<i>p</i>	ம்	:	<i>m</i>	ழ்	:	<i>l̄</i>
ற	:	<i>r̄</i>	ன்	:	<i>n̄</i>	ள்	:	<i>l̄</i>

### Huruf-huruf Sanskrit

ஜ்	:	<i>j</i>	ஸ்	:	<i>s</i>
ஷ்	:	<i>s̄</i>	க்ஷ்	:	<i>ks</i>
ஹ்	:	<i>h̄</i>			



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Para sarjana berpendapat bahawa kesusasteraan memainkan peranan yang sangat besar dalam pembangunan insan dan negara. Menurut Rahman Bujang (1997:93), kesusasteraan merupakan ilmu bersifat dinamik yang mampu mengubah corak pemikiran masyarakat. Oleh itu, dengan mempelajarinya sebagai salah satu disiplin, kesusasteraan mampu mengubah minda manusia bersifat jahil kepada berpengetahuan dan yang daif kepada istimewa. Walaupun sesetengah karya sastera bercorak fiksyen, namun kandungannya mengetengahkan hakikat hidup sebenar yang boleh diterima oleh para pembaca. Perkara yang perlu dilakukan oleh pembaca karya sastera adalah mencari dan mengutip segala mutiara yang tersirat dalam sesuatu karya sastera. Secara hakikatnya, sastera lebih banyak menawarkan pengetahuan untuk memenuhi keperluan kerohanian (spiritual)berbanding dengan keperluan kebendaan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Hoggart, (1968:235) pernah melahirkan kekesalannya kerana mengabaikan aspek emosi sebelum ini.

My mind seems to have become a kind of machine for grinding general laws out of large collection of facts.....if I had to live my life again, I would have made a rule to read some poetry and listen to some music at least once every week; for perhaps the parts of my brain now atrophied would thus have been kept alive through use. The loss of this taste is a loss of happiness, and may possibly be injurious to the intellect, and more probably to the moral character, by enfeebling the emotional part of our nature.



Kekesalan Hoggart ini lantaran beliau tidak menyedari bahawa aspek emosi dalam mempunyai kaitan yang rapat dengan ilmu pengetahuan yang ditawarkan oleh kesusastraan. Akhirnya, beliau mengakui bahawa karya sastera boleh berfungsi sebagai penyaring kehidupan manusia dan memandunya untuk membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Selanjutnya, ilmu yang diterapkan itu boleh membantu mengawal emosi diri kerana manusia dapat belajar memahami diri sendiri hasil daripada pengalaman orang lain. Dalam segala tindakan atau perlakuan, manusia dapat melihat hidup ini menerusi perspektif yang seimbang. Justeru, secara umumnya, kesusastraan banyak membantu menyemai nilai-nilai kemanusiaan dalam diri individu. Menyedari hakikat ini, kesusastraan sewajarnyalah dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran yang bukan sahaja mesti diajarkan di peringkat sekolah malahan juga di institusi pengajian tinggi.





Kesusasteraan merupakan suatu bidang luas yang meliputi kumpulan genre puisi, drama, novel dan cerpen. Menurut Subramaniam (1980:47), selepas zaman pendudukan Jepun, pembangkitan semangat nasionalisme dan perkembangan penerbitan akhbar menyebabkan masyarakat India berjaya menghasilkan karya sastera tulen yang bercorak tempatan yang mendapat sambutan dalam akhbar dan majalah tempatan seperti *Tamil Nesan, Tamil Sudar, Solai Sevika Muyarchi, Tamil Kodi, Munnetram, Nakarikam, Sangamani, Tirumukam* dan *Malaimaka*.

Menurut Kartigesu (1978:4), sastera Tamil merupakan satu aliran sastera yang paling tua di dunia ini. Karya-karya Tamil yang berusia lebih daripada 2000 tahun, kini dianggap sebagai sastera klasik yang mantap. Kaum Tamil di negara ini turut menjadi



Menurut Atan Long (1997:47) , kesusasteraan ditakrif sebagai hasil kreatif yang menggunakan bahasa yang indah dan cara penyampaian yang baik sebagai wadah hiburan dan pengajaran untuk mengenal diri dan masyarakat sesuatu bangsa. Justeru, ciri kreatif dan keindahan inilah menyebabkan kesusasteraan sesuai diajar agar dihayati oleh pelajar akan kesenian dan keindahannya.

Menurut Noraslan (2010:3), ilmu kesusasteraan juga dianggap sebagai “dunia nilai-nilai”. Anggapan tersebut lahir lantaran sifatnya yang sentiasa bersabit dengan keunggulan moral dan sifat-sifat kemanusiaan yang terpuji. Tindakan mempelajari kesusasteraan bererti kita mendukung satu usaha untuk melahirkan generasi yang





bersepada, bukannya manusia serpihan yang perkembangan dirinya disempitkan oleh keperluan utilitarian atau kebendaan semata-mata. Pada zaman primitif sekalipun, sastera pernah dianggap lebih penting daripada sebarang bentuk alatan (tools). Lihat sahaja penggunaan mantera yang dicipta pada zaman itu. Bentuknya memenuhi sifat dan ciri sebagai sebuah hasil karya kesusasteraan. Namun, mantera yang dihasilkan pada waktu itu lebih berfungsi sebagai senjata lisan yang mampu melemahkan dan menundukkan musuh, sama ada manusia, binatang atau kuasa-kuasa ghaib. Justeru, pada zaman itu, mantera mempunyai fungsi yang sangat pragmatik dan lebih ekonomikal sifatnya berbanding dengan penggunaan objek sebagai senjata.

Sebenarnya, karya sastera berupaya membicarakan semua aspek kehidupan



Sastera membuka ruang pengalaman seluas-luasnya dengan menyediakan pengalaman manusia kepada pelbagai budaya dan berlainan zaman. Setiap karya sastera boleh merperkayakan pengalaman individu kerana individu berasa seolah-olah dirinya menempoh peristiwa yang dialami oleh watak-watak dalam dunia cereka, di samping turut menghayati perasaan pengarang itu sendiri. Kenyataan ini turut ditegaskan oleh Hoggart (1968:226):

*Without the full literary witness, a student of society will be  
blind to the fullness of a society's life.*





Lantaran itu, hasil karya sastera seharusnya dinikmati dan dihayati oleh setiap generasi. Interaksi antara karya sastera dengan pembaca akan membawa makna kehidupan setelah diadun dengan pengetahuan serta pengalaman sedia termuat dalam sesuatu hasil karya sastera.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Puisi tradisional dan sajak moden ialah dua buah genre utama dalam kesusasteraan Tamil Malaysia. Puisi tradisional merupakan genre yang terawal dalam kesusasteraan Tamil Malaysia. Era Puisi Tradisional Tamil Malaysia (PTTM) bermula pada akhir abad ke-19



yang berasal dari Tamil Nadu, India berkhidmat dalam sektor perladangan manakala orang Tamil dari Sri Lanka pula berkecimpung dalam sektor perkhidmatan awam di Malaysia. Golongan ini juga turut terlibat secara aktif dalam aktiviti penghasilan karya kreatif Tamil Malaysia termasuk puisi tradisional. Menurut Murasu Nedumaran (1997:146), hasil karya sastera ketika itu banyak diserapkan dan diselitkan dengan unsur-unsur budaya India dan Sri Lanka. Unsur tempatan jarang dan sukar ditemui dalam puisi tradisional Tamil tersebut.





Murasu Nedumaran (1997:151) juga menyatakan bahawa kebanyakan puisi tradisional Tamil Malaysia pada ketika itu dimuat dalam akhbar-akhbar Tamil tempatan seperti *Cinkai Vartama:ni* (1875); *Tankai Ne:san* (1875); *Vijaya Ke:tan* (1883) *Ulaka Ne:san* (1887); *Intu Ne:san* (1888); *Te:jo:pima:ni* (1896) dan *Pi:na:nku Vartama:ni* (1897). Puisi tradisional yang dihasilkan pada era itu hanya bertemakan agama dan budaya masyarakat Tamil yang berasal dari India dan Sri Lanka. Budaya dan unsur tempatan jarang dipaparkan dalam karya tersebut. Selepas itu, puisi tradisional Tamil Malaysia mula berkembang dan telah membawa kepada penghasilan antologi-antologi puisi tradisional Tamil Malaysia.

Jayaraman (1988:31), menyatakan *A:rumukap Patikam* (1887) merupakan antologi puisi tradisional Tamil Malaysia yang pertama diterbitkan di Malaysia. Antologi ini merupakan koleksi puisi bersifat agama yang memuji kebesaran Dewa Murugan di Kuil Thannirmalai, Pulau Pinang. Antologi puisi tradisional Tamil Malaysia seperti ini jarang diterbitkan pada ketika ini. Walau bagaimanapun, antologi puisi tradisional Tamil Malaysia tertua di Malaysia dapat ditemui sehingga kini ialah antologi puisi tradisional Tamil Malaysia yang dihasilkan oleh Satasiva Pandithar. Antologi ini diterbitkan pada tahun 1887 berjudul *Vannai Anta:ti*, *Vannai Nakar U:n:cal*, *Cinkai Nakar Anta:ti* dan *Cittira Kavikal*.





Murasu Nedumaran (1997:157), menyatakan bahawa penghasilan karya puisi tradisional Tamil Malaysia ini berterusan sehingga zaman pendudukan Jepun di Malaysia. Selepas pendudukan Jepun di negara kita, masyarakat India kelahiran tempatan telah mula bergiat dan berkecimpung dalam penulisan puisi tradisional Tamil Malaysia tempatan. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, puisi tradisional Tamil Malaysia mula meluas dari segi tema, penerapan nilai dan penggunaan bahasa serta pemaparan budaya tempatan. Tema yang meliputi sosial, politik dan ekonomi masyarakat India Malaysia telah mula dihasilkan. Penerapan nilai dan budaya tempatan juga diserapkan dalam karya puisi tradisional Tamil Malaysia.

Terdapat juga bukti yang menunjukkan bahawa puisi tradisional Tamil Malaysia pertama hasil karya V. Narayanasamy Nayaga bertajuk *Iruntum Payanenna* turut diterbitkan pada tahun 1866 dalam majalah berjudul *Tattuva Potini* di India. Dengan ini, sejarah puisi tradisional Tamil Malaysia di negara ini telah mencapai usia lebih kurang 140 tahun. Dalam jangka masa ini, lebih kurang 316 buah antologi puisi tradisional Tamil Malaysia telah pun diterbitkan. Namun, hal ini membuktikan bahawa penglibatan penyair tempatan dalam bidang kesasteraan adalah masih kurang memuaskan, (Murasu Nedumaran, 1997:153)

Oleh itu, penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di peringkat sekolah rendah pula dapat merealisasikan objektif menanam nilai-nilai murni dalam diri pelajar yang sedang menempuh alam remaja dan seterusnya dapat membantu dalam pembentukan sahsiah diri golongan ini. Pengalaman estetik yang





dihayati dalam sesebuah karya sastera boleh digunakan untuk merangsangkan pemikiran kritis tentang persoalan dan isu moral. Seterusnya, hal ini dapat membantu mengembangkan sifat-sifat keperibadian yang diingini lalu menolong membentuk individu yang matang dan rasional dari segi pemikiran dan tindak-tanduknya serta melahirkan individual yang rela berbakti kepada masyarakat dan negara.

Terdapat beberapa objektif yang diingin dicapai menerusi pelaksanaan kesusasteraan Tamil sebagai komponen wajib dalam bahasa Tamil. Antara objektif tersebut ialah peningkatkan minat membaca dalam kalangan para pelajar, membina kebolehan pelajar untuk mengkritik dan menilai sesebuah karya sastera di samping dapat meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan para pelajar serta melahirkan para



Antara objektif yang telah dinyatakan dan digariskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah membolehkan para pelajar menguruskan emosi diri, mengehadkan perkembangan emosi negatif dan mengendalikan hubungan dengan orang lain. Hal ini mempunyai hubungkait dengan nilai-nilai murni yang diserapkan menerusi sesebuah karya khususnya melalui prosa Tamil tradisional yang sedang dibicarakan dalam membantu pembentukan sahsiah pelajar.





Penekanan kepada nilai-nilai murni dalam usaha pembentukan sahsiah pelajar lebih tertumpu pada peranan karya puisi tradisional dalam penerapan nilai-nilai murni dalam diri para pelajar sekolah kerana pada masa sekarang pangkaji mendapati bahawa sahsiah golongan pelajar semakin terhakis oleh anasir-anasir luar.

### 1.2.1 Asal Usul Puisi Tradisional Tamil

Puisi Tradisional Tamil memainkan peranan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat India. Namun, puisi tradisional ini jarang diketahui oleh masyarakat kerana ada yang menganggapnya sebagai satu bentuk nyanyian tradisional dahulu kala. Namun, jika dilihat dari aspek penyampaian dan kiasan dalam rangkap-rangkap puisi tersebut, puisi tradisional ini memiliki keunikannya tersendiri yang dicipta oleh masyarakat dahulu sehingga membentuk satu rangkap puisi yang boleh disampaikan dalam bentuk nyanyian mahupun dialog. Berdasarkan analisis kajian lapangan dan pengkajian yang dilakukan oleh penyelidik, bab 4 telah menerangkan secara terperinci tentang nilai murni dalam antologi puisi tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy berdasarkan beberapa bahan bukti yang diperoleh melalui kajian lapangan mahupun pengajaran. Bab empat ini juga telah mengenal pasti nilai murni, menganalisis unsur pengajaran dan mengaitkan puisi-puisi tradisional dengan pembentukan sahsiah.





Menurut Varadarasan.Mu., (1972:27), dalam Kesusasteraan Tamil, puisi dianggap sebagai genre yang penuh abstrak dan unggul dengan estetika bahasa yang indah sejak zaman *sangkam* (zaman perkembangan kesusasteraan klasik Tamil). Zaman perkembangan puisi Tamil bermula sebelum tahun masihi. Puisi Tamil merupakan genre sastera yang paling tua yang berusia lebih daripada 2500 tahun. Sejak zaman *sangkam*, kesemua jenis hasil kesusasteraan yang dihasilkan adalah berbentuk puisi. Hasil karya bahasa Tamil berbentuk puisi ini merangkumi hampir semua bidang termasuk astrologi, perubatan tradisional, nilai-nilai etika dan epik. Pada zaman pra dan pasca *sangkam*, sebarang hasil berbentuk puisi sahaja dianggap sebagai karya satera.

Pada awal zaman perkembangan kesusasteraan Tamil, puisi hanya berkembang sebagai sastera rakyat yang berbentuk lisan dan disebarluaskan turun-temurun sebagai sastera lisan. Puisi-puisi klasik Tamil yang dihasilkan sejak zaman *sangkam* menitikberatkan irama dan rentak. Keadaan ini menjadikan puisi mudah dilafaz dan diperkembangkan sebagai bahasa sastera untuk komunikasi lisan. Keistimewaan puisi Tamil ini memartabatkan puisi sebagai genre yang paling unggul dan disegani sejak zaman *sangkam*. Ketiadaan kemudahan percetakan pada ketika itu telah mendorong perkembangan puisi sebagai sastera lisan dan menjadi satu-satunya wadah penyampaian sastera dari satu generasi ke generasi lain.





Walaupun bentuk puisi adalah rumit dan kompleks berbanding dengan prosa, namun puisi mudah dilafazkan sejak zaman *sangkam* kerana berfungsi sebagai bentuk puisi komunikasi lisan .Keadaan ini menjadi kelaziman kepada rakyat dan digelar sebagai *makaL iyalbu vazaku* (bentuk kelaziman masyarakat) serta dianggap sebagai hasil kesusasteraan unggul dalam Bahasa Tamil. Kenyataan ini dapat dibuktikan oleh puisi Tholkappiyar (karya tatabahasa terunggul dalam bahasa Tamil):

Transliterasi - TR

*Tamil ku:Ru nal ulakattu  
Vazakkum CeyyuLum a:yiru muthaliN  
Ezuthum sollum poruLum na:di  
Senthamiz iyaRkai sivaniya nilathodu....*



Hasil sastera berbentuk puisi membolehkan masyarakat Tamil menyampaikan idea secara ringkas dan jitu berbanding dengan prosa. Keistimewaan ini menjadikan puisi mudah disalurkan kepada generasi seterusnya dan lantas berkembang dengan pesat.

Varadarasan.Mu., (1972:21),berpendapat bahawa puisi memainkan peranan amat besar dalam perkembangan kesusasteraan *sangkam* (tahun 500 S.M. hingga tahun 200 M.). Pada awal zaman perkembangan kesusasteraan Bahasa Tamil, puisi jenis *akaval*, *kalipa* dan *paripa:dal* merupakan bentuk puisi yang terawal serta popular. Puisi jenis ini seterusnya berkembang sebagai puisi berbentuk *ceyyuL* (puisi klasik) yang dapat dikategorikan kepada 4 jenis seperti berikut:

